

Terma dan Syarat Keahlian *Privilege Banking*

Terma dan Syarat ini dari United Overseas Bank (Malaysia) Bhd (No. Syarikat 271809-K) (“UOBM”) akan mentadbir pelanggan *Privilege Banking* (“PV”) dan dengan menerima keahlian PV ini, pelanggan PV akan dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju untuk diikat oleh Terma dan Syarat ini.

Kriteria Kelayakan Keahlian

1. Keahlian PV dibuka kepada semua pelanggan individu utama yang berumur 18 tahun dan ke atas bagi kedua-dua warga Malaysia dan warga asing yang menetap di Malaysia.
2. Syarat-syarat berikut (“Kriteria Kelayakan”) mesti dipenuhi supaya pelanggan layak mendaftar untuk keahlian PV:
 - a. Pelanggan yang mempunyai dan mengekalkan Aset di bawah Pengurusan (“AUM”) sekurang-kurangnya Ringgit Malaysia Lima Ratus Ribu (RM500,000) atau jumlah lain sedemikian yang mungkin ditentukan oleh UOBM dari semasa ke semasa dan;
 - b. Memegang Akaun *Privilege* (“PA”) atau Akaun Stash sebagai akaun deposit yang utama.
3. AUM merujuk kepada deposit dan pelaburan yang termasuk akaun simpanan, akaun semasa, akaun deposit tetap, unit amanah, bon runcit, pelaburan berstruktur jangka panjang, pelaburan berstruktur jangka pendek dan pelaburan dua mata wang (atau deposit dan pelaburan sedemikian yang mungkin ditentukan oleh UOBM dari semasa ke semasa).
4. UOBM berhak untuk meluluskan atau menolak sebarang permohonan untuk pendaftaran PV tanpa memberikan apa-apa sebab dan menanggung apa-apa liabiliti kepada pelanggan.
5. Fi atau caj keahlian tidak dikenakan. Walau bagaimanapun UOBM berhak untuk mengenakan sebarang fi atau caj dengan memberikan notis 21 hari kalendar sebelum tarikh pelaksanaan.

Penamatan Keahlian

6. Jika pelanggan PV gagal mengekalkan Kriteria Kelayakan, UOBM berhak untuk menghentikan, menamatkan atau menggantung keahlian PV selepas memberikan notis 21 hari kalendar terlebih dahulu kepada pelanggan.
7. Pelanggan PV boleh menamatkan keahlian PV mereka dengan memberikan notis bertulis kepada UOBM di mana-mana cawangan UOBM.
8. UOBM berhak pada budi bicara tunggal dan mutlaknyanya untuk menamatkan, menurunkan atau menggantung keahlian PV selepas memberikan notis bertulis 21 hari kalendar terlebih dahulu kepada pelanggan.
9. Pada penamatan keahlian PV, UOBM berhak untuk menutup akaun pelanggan, menamatkan perkhidmatan dan menghentikan kempen dan/atau ganjaran yang ditawarkan kepada pelanggan PV menurut terma dan syarat serta peraturan dan pengawalan sedia ada yang mentadbir akaun dan perkhidmatan masing-masing.
10. Sekiranya pelanggan ingin meneruskan keahlian beliau sewaktu penamatan, pelanggan perlu mengemukakan borang permohonan PV yang baru.

Am

11. Penempatan deposit akan dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (“PIDM”) sehingga Ringgit Malaysia Dua Ratus Lima Puluh Ribu (RM250,000) bagi setiap pendeposit.

12. Pelaburan dalam unit amanah, bon runcit, pelaburan berstruktur jangka panjang, pelaburan berstruktur jangka pendek dan pelaburan dua mata wang tidak dilindungi oleh PIDM.
13. UOBM tidak akan bertanggungjawab dan tidak akan menanggung sebarang liabiliti dalam apa-apa bentuk dan bagaimana sekalipun timbul atau dialami oleh pelanggan PV yang diakibatkan secara langsung atau tidak langsung daripada keahlian ini kecuali jika ia disebabkan oleh kecuaiian melampau atau salah laku sengaja UOBM yang berkaitan khususnya dengan keahlian ini.
14. UOBM tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang salah nyata atau salah tafsir fakta oleh mana-mana pihak ketiga yang tidak dibenarkan berhubung dengan keahlian yang diterbitkan dalam mana-mana media massa, bahan pemasaran atau pengiklanan.
15. Pelanggan dengan ini bersetuju untuk diikat oleh terma dan syarat ini dan apa-apa pindaan yang dilakukan oleh UOBM dari semasa ke semasa yang mentadbir perkhidmatan PV sebagai tambahan kepada terma dan syarat serta peraturan dan pengawalan sedia ada masing-masing yang mentadbir akaun dan perkhidmatan dengan UOBM.
16. UOBM berhak untuk menambah, mengeluarkan, menggantung atau mengubah terma dan syarat ini, dari semasa ke semasa, secara keseluruhan atau sebahagian, pada budi bicara mutlaknya, dengan memberikan notis dua puluh satu (21) hari terlebih dahulu kepada pelanggan PV melalui paparan pada laman web UOBM, penampilan notis di mana-mana cawangan UOBM atau kenyataan yang dimasukkan ke dalam Penyata Akaun atau melalui apa-apa cara lain sebagaimana yang ditentukan oleh UOBM dari semasa ke semasa.
17. Sekiranya berlaku sebarang percanggahan antara terma dan syarat ini dan sebarang pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan lain berkaitan dengan atau berhubung dengan keahlian PV, terma dan syarat ini akan dikekalkan.
18. Terma dan Syarat ini akan ditadbir oleh dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan pelanggan bersetuju untuk menyerah kepada bidang kuasa tidak eksklusif mahkamah Malaysia.

-TAMAT-